

CABARAN PELAKSANAAN
PROGRAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT SETEMPAT

MOHD AZHAR BIN ALIAS

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Alam Bina dan Ukur
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2019

PENGHARGAAN

Dipanjatkan rasa syukur dan Alhamdulillah ke hadrat Illahi atas junjungan kasih dan limpah kurnia serta izinNya dapatlah saya menyiapkan tesis ini. Dalam menyediakan tesis ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak-pihak yang telah banyak membantu di antaranya ialah Penyelia tesis iaitu Dr. Abdul Halim Bin Hamzah, Penyelaras Program Sarjana Sains Pentadbiran dan Pembangunan Tanah iaitu Dr. Siti Radiaton Adawiyah binti Zakaria serta Dr. Salfarina binti Samsuddin (mantan penyelaras) dan semua pensyarah-pensyarah yang telah banyak membantu dengan penuh komited dan sabar.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada Pegawai Daerah Kerian serta Warga Pegawai dan kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah Kerian di atas kerjasama yang telah diberikan sepanjang proses kajian dibuat. Terima kasih juga diucapkan kepada Penghulu Mukim, Ketua Kampung atas segala maklumbalas yang telah diberikan. Segala jasa dan komitmen yang telah diberikan amatlah dihargai.

Buat rakan-rakan seperjuangan MSc LAD Pesisir Ipoh 2017-2019 iaitu saudara Muhammad Nazri Bin Abdullah, Mohamed Akmal bin Dahalan, Amir Fadli bin Mohamed Halmi, Mohd Elmi Fauzan bin Md Jamil, Muhammad Faizal Shah bin Safian Suri, Mohd Shukhairi bin Ibrahim, Mustoffa bin Aliman dan saudari Laila Mazwin binti Zakaria, Syazlina binti Bahari serta Jasmaliza binti Jamaluddin, tanpa kalian pastinya perjalanan ini tidak mampu ditempuhi dari awal sehingga ke penghujungnya. Jasa dan pengorbanan kalian, semoga Allah membalasnya dengan jutaan rahmatNya.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan salah satu program bantuan rumah yang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) iaitu Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS). Program ini merupakan program bantuan rumah untuk golongan miskin luar bandar yang tidak mempunyai kediaman atau tempat tinggal sendiri untuk menjalani kehidupan yang selesa seterusnya dapat mencapai kesejahteraan hidup. Namun begitu, masih terdapat sebahagian peserta di PPMS masih lagi hidup dalam keadaan serba kekurangan. Kajian ini akan menumpukan untuk memperkasakan pelaksanaan PPMS berasaskan gabungan komponen-komponen projek yang disediakan oleh pihak kerajaan merangkumi kemudahan infrastruktur dan utiliti asas, perumahan dan ameniti sosial, pembangunan modal insan serta projek ekonomi bagi meningkatkan pendapatan peserta. Lokasi kajian yang dipilih adalah PPMS Lembah Beriah, Daerah Kerian. Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui temubual separa struktur dan dapatan data-data primer ini diterangkan dalam bentuk huraian dan penerangan. Selain itu, data sekunder diperolehi melalui terhadap laporan-laporan, jurnal serta lain-lain penerbitan yang berkaitan dengan tajuk kajian dijadikan sebagai rujukan dalam kajian. Hasil kajian mendapati responden-responden telah membangkitkan isu dan pemasalahan yang berlaku yang menyebabkan taraf hidup peserta-peserta di PPMS Lembah Beriah masih dibelenggu masalah kemiskinan. Beberapa cadangan penambahbaikan telah diketengahkan iaitu menyediakan modul program pembangunan modal insan serta latihan kemahiran secara berkala kepada peserta-peserta agar taraf kehidupan mereka meningkat dan seterusnya menjana pendapatan yang lebih baik. Peserta-peserta harus bersedia dan sanggup berusaha memajukan diri sendiri agar kesejahteraan hidup mereka bertambah baik di samping pihak kerajaan memainkan peranan yang penting untuk memajukan peserta yang berada dalam kemiskinan. Akhir sekali, dapatan daripada kajian ini penting kepada pihak pelaksana dasar program bantuan rumah PPMS untuk melakukan penambahbaikan dasar berkenaan yang sesuai mengikut keperluan semasa.

ABSTRACT

The purpose of this research is to review the implementation of one of the home aid programs implemented by the government through the Ministry of Rural Development called as PPMS. This program is a home aid program for rural poor who do not have their own homes or residences to live a comfortable life and thus achieve a well-being life. However, there are still some participants in PPMS were still living in disadvantages. This study will focus to strengthen the implementation of PPMS based on the combination of project components that are provided by the government, that include basic infrastructure and utilities, housing and social amenities, human capital development and economic projects to increase participants' income. PPMS Lembah Beriah in the district of Kerian had been chosen to be studied in this research. Data collection process is done using qualitative method through semi-structural interviews and the findings of these primary data are will be further explained in detail. In addition, secondary data is obtained through reports, journals and other publications related to the title of the study being used as a reference in the study. The findings show that respondents have raised issues and problems that caused the participants in the PPMS Lembah Beriah still living in poverty. Some improvement suggestions also being pointed out including providing human resource development modules as well as offering a periodic skills training to the participants in order to improve their living and gain more income. Participants should be prepared and willing to improve themselves first in order to improve their well-being, while the government must play an important role to helps the participants that still surrounded with poverty. Lastly, the findings of this study are important to the government to improve the policies related to home aid programme that must be relevant with the current needs.

ISI KANDUNGAN

	TAJUK	MUKASURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1	PENGENALAN	1
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Penyataan Masalah	2
1.3	Matlamat Kajian	8
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Skop Kajian	9
1.6	Kepentingan Kajian	10
	1.6.1 Pejabat Daerah dan Tanah	10
	1.6.2 Kementerian Pembangunan Luar Bandar	10
	1.6.3 Pihak Berkuasa Negeri	11
1.7	Susunatur Bab	11
	1.7.1 Bab Satu : Pengenalan	11
	1.7.2 Bab Dua : Kajian Literatur	11
	1.7.3 Bab Tiga : Metodologi Kajian	12
	1.7.4 Bab Empat : Program Pembangunan Masyarakat Setempat	12
	1.7.5 Bab Lima : Analisis Kajian	13

1.7.6	Bab Enam : Kesimpulan dan Cadangan	13
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	15
2.1	Pendahuluan	15
2.2	Definisi Kemiskinan	16
2.3	Strategi Pelaksanaan Program Bantuan Rumah Golongan Miskin	17
2.3.1	Pembangunan Penempatan Baru (<i>new resettlement</i>)	19
2.3.2	Pembangunan Secara <i>In-Situ</i>	19
2.4	Program Bantuan Rumah oleh Kerajaan	20
2.4.1	Program Perumahan Rakyat Termiskin	20
2.4.1.1	Matlamat Program Perumahan Rakyat Termiskin	21
2.4.1.2	Kriteria Pemilihan Peserta	21
2.4.2	Program Pembangunan Masyarakat Setempat	21
2.4.2.1	Matlamat Program Pembangunan Masyarakat Setempat	22
2.4.2.2	Objektif Program Pembangunan Masyarakat Setempat	23
2.4.2.3	Kriteria Pemilihan Peserta	24
2.4.3	Program Pemajuan Kawasan	25
2.4.3.1	Objektif Program Pemajuan Kawasan	26
2.4.3.2	Justifikasi Program Pemajuan Kawasan	26
2.4.3.3	Kriteria Pemilihan Peserta	27
2.5	Pihak Yang Terlibat dalam Program Pembangunan Masyarakat Setempat	28
2.5.1	Agensi Pemilik	28
2.5.2	Agensi Pemohon	28
2.5.3	Agensi Pelaksana	28
2.5.4	Agensi Penerima	29
2.5.5	Peserta	29
2.6	Cabaran Pelaksanaan Program Bantuan Rumah	29

2.6.1	Kekurangan Peluang dan Akses Kepada Pekerjaan	30
2.6.2	Kemudahan Pengangkutan	30
2.6.3	Faktor Lokasi	31
2.6.4	Keciciran Pendidikan	31
2.6.5	Rekabentuk Rumah	32
2.6.6	Faktor Persekitaran yang Tidak Selesa	33
2.7	Konsep Perumahan Untuk Golongan Miskin di Luar Negara	33
2.7.1	Konsep <i>Public Housing</i> di Hong Kong	33
2.7.2	Konsep <i>Home Owning Democracy</i> di Singapura	35
2.8	Rumusan	36
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	39
3.1	Pendahuluan	39
3.2	Rekabentuk Kajian	39
3.3	Strategi Kajian	40
3.3.1	Peringkat Pertama: Kajian Awalan	41
3.3.2	Peringkat Kedua : Kajian Literatur	41
3.3.3	Peringkat Ketiga : Pengumpulan Data dan Maklumat	42
3.3.4	Peringkat Keempat : Menganalisis Data	42
3.3.5	Peringkat Kelima : Rumusan dan Cadangan	43
3.4	Kaedah pengumpulan data	45
3.4.1	Persediaan Untuk Temubual	45
3.4.2	Melaksanakan Temubual	45
3.4.3	Menyimpan Maklumat Temubual	46
3.4.4	Menganalisis Hasil Temubual	46
3.4.5	Data Primer	46
3.4.6	Data Sekunder	47
3.5	Maklumat Responden	48
3.6	Analisis Kajian	49
3.6.1	Analisis Domain	49

3.6.2	Analisis Dokumen	49
3.7	Rumusan	49
BAB 4	PROGRAM PEMBANGUNAN MASYARAKAT SETEMPAT LEMBAH BERIAH	51
4.1	Pendahuluan	51
4.2	Latar Belakang Daerah Kerian	51
4.3	Latar Belakang Mukim Beriah	53
4.4	Program Pembangunan Masyarakat Setempat Lembah Beriah	54
4.4.1	Pemilihan Peserta	57
4.4.2	Latar Belakang dan Sosio Ekonomi Ketua Isi Rumah	59
4.4.3	Maklumat Penerima Bantuan	61
4.5	Tinjauan di Program Pembangunan Masyarakat Setempat Lembah Beriah	63
4.6	Rumusan	68
BAB 5	ANALISIS KAJIAN	69
5.1	Pendahuluan	69
5.2	Cabaran Pelaksanaan Program Pembangunan Masyarakat Setempat Lembah Beriah	69
5.2.1	Pembangunan Modal Insan	71
5.2.1.1	Kursus Pemulihan Sikap Keluarga Miskin	72
5.2.1.2	Kelas Tuisyen Percuma	72
5.2.1.3	Kursus Vokasional dan Kemahiran	73
5.2.2	Projek Ekonomi Bagi Meningkatkan Pendapatan Peserta	74
5.2.2.1	Bantuan Peralatan Projek Ekonomi AZAM Tani	75
5.2.2.2	Projek Penternakan Ikan Arowana Secara Pawah	77
5.2.2.3	Peluang Pekerjaan- Projek Tanaman Halia Bentong	79
5.2.2.4	Projek Pertanian Berskala Kecil	80

5.3	Rumusan	82
BAB 6	KESIMPULAN DAN CADANGAN	83
6.1	Pendahuluan	83
6.2	Penemuan Kajian	83
6.2.1	Penemuan Objektif Pertama	84
6.2.2	Penemuan Objektif Kedua	86
6.3	Cadangan Kajian	87
6.3.1	Penambahbaikan program pembangunan modal insan	88
6.3.2	Penambahbaikan pelaksanaan projek ekonomi	89
6.4	Limitasi Kajian.	90
6.5	Cadangan Kajian Lanjutan	91
6.6	Penutup	91
	RUJUKAN	93
	SUMBER LISAN	97

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
Jadual 2.1	Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)	17
Jadual 3.1	Senarai Responden	48
Jadual 4.1	Maklumat Asas Kos Projek PPMS Lembah Beriah	55
Jadual 4.2	Maklumat Latar Belakang Ketua Isi Rumah	60
Jadual 4.3	Maklumat Jenis Pekerjaan dan Pendapatan	61
Jadual 4.4	Maklumat Bantuan Diterima KIR	62
Jadual 5.1	Respon Temubual Cabaran Pelaksanaan PPMS Lembah Beriah	71
Jadual 5.2	Respon Temu Bual Komponen Pembangunan Modal Insan	71
Jadual 5.3	Respon Temu Bual Komponen Projek Ekonomi Bagi Meningkatkan Pendapatan Peserta	74
Jadual 5.4	Respon Temu Bual Berkaitan Projek AZAM Tani	76
Jadual 5.5	Respon Temu Bual Projek Penternakan Ikan Arowana	78
Jadual 5.6	Respon Temu Bual Projek Tanaman Halia Bentong	79
Jadual 5.7	Respon Temu Bual Projek Agropolitan Berskala Kecil	81
Jadual 6.1	Rumusan Cadangan Penambahbaikan Pelaksanaan Program Pembangunan Masyarakat Setempat	88

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
Rajah 1.1	Rekabentuk Pelan Rumah PPMS	4
Rajah 1.2	Keadaan Asal Rumah PPMS	4
Rajah 1.3	Status Penempatan Asal KIR	5
Rajah 1.4	Jenis Pekerjaan Ketua Isi Rumah Mengikut Sektor	6
Rajah 1.5	Purata Pendapatan Ketua Isi Rumah	6
Rajah 1.6	Keadaan Rumah Peserta Yang Daif dan Uzur	7
Rajah 1.7	Keadaan Halaman Rumah Peserta Dipenuhi Sampah Sarap	7
Rajah 3.1	Carta Alir Metodologi Kajian	44
Rajah 4.1	Peta Daerah Kerian Mengikut Mukim	52
Rajah 4.2	Peta Kawasan Kajian	53
Rajah 4.3	Komposisi Penduduk Mukim Beriah Mengikut Kaum	54
Rajah 4.4	Kemudahan Dewan	56
Rajah 4.5	Kemudahan Surau	57
Rajah 4.6	Kemudahan Tadika	57
Rajah 4.7	Carta Alir Jawatankuasa Pemandu PPRT Daerah Kerian	58
Rajah 4.8	Penyambungan Ruang di Bahagian Tepi Rumah	64
Rajah 4.9	Penyambungan bagi tujuan gerai makanan	64
Rajah 4.10	Keadaan Rumah Peserta yang Rosak dan Terbiar Kosong	65
Rajah 4.11	Keadaan Longkang yang Tidak Diselenggara	65
Rajah 4.12	Kemudahan Surau	66
Rajah 4.13	Kemudahan Dewan	66
Rajah 4.14	Tiada Aktiviti Pertanian Dijalankan	67
Rajah 4.15	Projek Tanaman Halia Bentong	67
Rajah 5.1	Komponen Projek PPMS	70
Rajah 6.1	Kriteria Pemilihan Peserta PPMS Lembah Beriah	85

SENARAI SINGKATAN

AIR	-	Ahli Isi Rumah
FAMA	-	<i>Federal Agricultural Marketing Authority</i>
JKM	-	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KIR	-	Ketua Isi Rumah
KPBM	-	Koperasi Pembangunan Bukit Merah
KPIAT	-	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
KPLB	-	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
MAIP	-	Majlis Agama Islam Negeri Perak
MARDI	-	<i>Malaysian Agricultural Research and Development</i>
NCIA	-	<i>North Corridor Implementation Authority</i>
PPK	-	Program Pemajuan Kawasan
PPP	-	Program Peningkatan Pendapatan
PBN	-	Pihak Berkuasa Negeri
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
PDT	-	Pejabat Daerah dan Tanah
PGK	-	Pendapatan Garis Kemiskinan
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
PPD	-	Pejabat Pendidikan Daerah
PPKR	-	Program Perumahan Kos Rendah
PPMS	-	Program Pembangunan Masyarakat Setempat
PPRT	-	Program Perumahan Rakyat Termiskin
PPMI	-	Program Pembangunan Minda Insan
PPPNP	-	Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Perak
PSK	-	Penempatan Semula Kampung
PROSDET	-	Program Bersepadu Desa Terpencil
RISDA	-	<i>Rubber Industry Smallholders Development Authority</i>
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SR	-	Suri Rumah
UPSR	-	Ujian Pentaksiran Sekolah Rendah
YBU	-	Yayasan Bina Upaya

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKASURAT
Lampiran A	Borang Temu Bual Yang Digunakan	98

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kemiskinan merupakan situasi serba kekurangan yang terjadi bukan atas kerelaan dan kehendak setiap ketua keluarga. Ianya merupakan satu sindrom yang dihadapi oleh setiap isi rumah miskin melibatkan kekurangan pendapatan untuk membeli keperluan asas, kekurangan makanan dan pakaian, tidak memiliki harta benda, tidak sihat tubuh badan, tiada kediaman yang selesa serta tidak mempunyai pekerjaan yang menjamin kehidupan yang selesa. Tanpa bantuan dan sokongan daripada Kerajaan, isi rumah tidak berupaya untuk keluar daripada kepompong kemiskinan (Norzita and Hadijah, 2014).

Kebergantungan kehidupan manusia banyak kepada keperluan dan keinginan di mana keperluan asas menjadi tunggak kepada kehidupan setiap isi rumah. Rumah atau kediaman selesa merupakan salah satu daripada keperluan asas baik kepada seseorang individu mahupun kepada sesebuah institusi kekeluargaan (Nur Ashqrun Samsuri, 2016).

Selain daripada keperluan makanan dan air yang bersih, kediaman atau tempat tinggal yang selesa merupakan antara keperluan asas kehidupan setiap individu. Selain menjadi status lambang sosial, rumah didefinisikan sebagai tempat berlindung keluarga, menyimpan barang berharga, tempat bergaul dan membina rasa kekeluargaan di antara anggota keluarga (Azwar, 1996; Mukono, 2006).

Berdasarkan teori Hierarki Keperluan Abraham Maslow, bagi memenuhi keperluan fisiologi dan keperluan keselamatan, setiap individu perlu memiliki rumah. Tempat tinggal merupakan keperluan terbawah yang perlu dipenuhi selain daripada makanan dan pakaian. Setiap orang memerlukan tempat tinggal bagi memenuhi

keperluan keselamatan daripada sebarang bentuk ancaman dan bahaya (Nurul Suhaidah Binti Kasmian, 2018).

Faktor kediaman, faktor persekitaran, faktor pengurusan dan faktor penduduk mempengaruhi kesejahteraan penduduk dalam sesebuah kediaman. Dalam usaha meningkatkan kualiti hidup, Kerajaan perlu memainkan peranan yang penting dalam menyediakan peruntukan baik pulih rumah dan bantuan bina baru rumah kepada golongan miskin yang tidak berkemampuan bagi memastikan golongan ini dapat hidup dengan selesa (Onibokun, 1974) dalam (Radzuan Bin Osman, 2007).

Perumahan merupakan salah satu keperluan asas untuk memastikan kesejahteraan hidup rakyat sentiasa terpelihara. Rumah adalah merupakan aset tetap kepada seseorang dan memiliki sebuah rumah yang baik dan selesa adalah menjadi idaman setiap manusia (Junaidi Awang Besar *et al.*, 2012).

Dalam usaha merealisasikan impian golongan miskin, pelbagai konsep projek perumahan yang telah dibangunkan samaada diberikan secara percuma atau secara sewaan. Antara program bantuan rumah secara percuma dalam menangani masalah keperluan perumahan golongan miskin luar bandar adalah seperti Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) dan Program Penempatan Kawasan (PPK) yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) (Kementerian Pembangunan Luar Bandar, 2019). Selain itu, projek perumahan secara sewaan atau mampu milik seperti Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Rakyat Mampu Milik (PRMM) merupakan konsep perumahan yang dibangunkan oleh Kerajaan melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) yang menasaskan golongan miskin khususnya di kawasan bandar (Jabatan Perumahan Negara, 2009).

1.2 Penyataan Masalah


Keperluan perumahan merupakan keperluan asas yang berfungsi sebagai tempat perlindungan dan keselamatan kepada manusia. Keperluan ini merupakan

asas penting kepada perkembangan sesebuah keluarga. Berdasarkan atas keperluan mendesak ini, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) telah melaksanakan program bantuan rumah yang dikhususkan bagi golongan miskin luar bandar (Kementerian Pembangunan Luar Bandar, 2019).

Antara program bantuan rumah yang diwujudkan oleh Kerajaan adalah Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) melalui bantuan pembaikan rumah dan bina baru rumah kepada golongan miskin di kawasan luar bandar agar golongan ini dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa. Menurut Radzuan Bin Osman (2007), penilaian ke atas tujuan utama program bantuan rumah perlu dilakukan bagi memastikan matlamat utama pembasmian kemiskinan di kalangan penduduk luar bandar dapat dicapai selari dengan yang usaha yang dilaksanakan.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, terdapat sebuah Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) telah diwujudkan di Lembah Beriah. Ianya merupakan antara program bantuan rumah yang terawal diwujudkan di Daerah Kerian (Bahagian Pembangunan Luar Bandar PDT Kerian 2013). Pembinaan projek ini meliputi penyediaan rumah dilengkapi dengan kemudahan ameniti sosial seperti dewan, surau, tadika dan gerai juga disediakan. Selain itu, projek ini dilengkapi kemudahan infrastruktur dan utiliti asas seperti longkang, jalan raya serta kemudahan bekalan air dan elektrik.

Berdasarkan laporan Bahagian Pembangunan Luar Bandar PDT Kerian (2013), rekabentuk rumah adalah jenis sesebuah dengan keluasan 660 kaki persegi merangkumi ruang tamu, 2 bilik tidur, dapur dan tandas. Selain itu, tiada bayaran sewa dikenakan kepada peserta-peserta yang menerima bantuan. Rajah 1.1 menunjukkan lakaran pelan rekabentuk rumah PPMS Lembah Beriah. Rajah 1.2 pula menunjukkan keadaan asal rumah di PPMS Lembah Beriah.




Rajah 1.1 Rekabentuk Pelan Rumah PPMS




Rajah 1.2 Keadaan Asal Rumah PPMS

Berdasarkan laporan Bahagian Pembangunan Luar Bandar PDT Kerian (2013), pemilihan peserta-peserta adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan di mana golongan sasaran adalah kepada Ketua Isi Rumah (KIR) yang tidak mampu memiliki atau menyewa rumah. Berdasarkan Rajah 1.3, menunjukkan status penempatan asal 64 orang KIR yang terpilih untuk menerima bantuan rumah PPMS iaitu 39 KIR (menumpang), 15 KIR (setinggalan) dan 10 KIR (menyewa).




Rajah 1.3 Status Penempatan Asal KIR

Berdasarkan laporan Bahagian Pembangunan Luar Bandar PDT Kerian (2013) peserta-peserta yang dipilih untuk ditempatkan di kawasan penempatan ini bekerja dalam sektor pertanian dengan kadar gaji yang rendah ditambah pula bebanan tanggungan yang ramai, pendapatan sedia ada tidak mencukupi untuk menampung keperluan isi rumah. Rajah 1.4 memberikan gambaran jenis pekerjaan Ketua Isi Rumah (KIR) di PPMS Lembah Beriah di mana 30 KIR (47%) berkerja dalam sektor pertanian, 12 KIR (19%) dalam sektor swasta, 8 KIR (12%) berniaga dan 14 KIR (22%) bekerja dan mengharapkan bantuan kewangan daripada Kerajaan.



Rajah 1.4 Jenis Pekerjaan Ketua Isi Rumah Mengikut Sektor

Berdasarkan Jabatan Perdana Menteri (2016) penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang ditetapkan bagi penduduk Malaysia ialah RM 925.00 sebulan. Rajah 1.5 menunjukkan pendapatan bulanan KIR di PPMS Lembah Beriah mendapati 54 KIR (84 %) masih berpendapatan di bawah PGK. Manakala 10 KIR (16%) sahaja yang berpendapatan melebihi PGK yang telah ditetapkan (Bahagian Pembangunan Luar Bandar PDT Kerian, 2019).



Rajah 1.5 Purata Pendapatan Ketua Isi Rumah

Berdasarkan pemerhatian pengkaji mendapati keadaan rumah-rumah peserta berada dalam keadaan daif serta uzur yang memerlukan penyelenggaraan. Terdapat kerosakan struktur rumah, bumbung dan dinding rumah. Rajah 1.6 menunjukkan antara keadaan rumah peserta yang uzur dan daif.



Rajah 1.6 Keadaan Rumah Peserta Yang Daif dan Uzur

Berdasarkan pemerhatian juga, pengkaji mendapati terdapat kawasan di sekeliling halaman rumah peserta yang sesuai bagi tujuan aktiviti pertanian kecil-kecilan yang mampu meningkatkan pendapatan peserta jika diusahakan sebaiknya. Namun begitu, kawasan tersebut dibiarkan terabai dipenuhi sampah sarap. Rajah 1.7 menunjukkan kawasan halaman rumah peserta yang terbiar dipenuhi sampah sarap.



Rajah 1.7 Keadaan Halaman Rumah Peserta Dipenuhi Sampah Sarap

Adalah menjadi persoalan, berdasarkan laporan Bahagian Pembangunan Luar Bandar PDT Kerian (2019), menunjukkan 84 peratus peserta di PPMS Lembah Beriah masih lagi dikategorikan sebagai miskin diukur melalui PGK Nasional. Kesan kepada masalah kemiskinan ini dapat dibuktikan melalui pemerhatian mendapati kebanyakan rumah peserta telah uzur dan daif. Keadaan ini adalah disebabkan ketidakmampuan kewangan peserta untuk membaik pulih rumah. Berdasarkan pernyataan ini, adalah dicadangkan pelaksanaan PPMS perlu diperkasakan bagi memastikan matlamat utama PPMS iaitu meningkatkan taraf hidup peserta dapat dicapai. Diharapkan agar hasil kajian dapat dijadikan asas oleh pihak yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan PPMS yang perlu memberikan penekanan terhadap aspek berdikari di kalangan peserta-peserta dan tidak hanya mengharapkan bantuan semata-mata.

1.3 Matlamat Kajian

Matlamat kajian adalah memperkasakan pelaksanaan program bantuan rumah di bawah Program Pembangunan Masyarakat Setempat.

1.4 Objektif Kajian

Bagi mencapai matlamat kajian yang ditetapkan, dua objektif telah dikenal pasti sebagaimana berikut :-

- i) Menenalpasti konsep pelaksanaan pemberian bantuan rumah Program Pembangunan Masyarakat Setempat ;
- ii) Mengkaji cabaran dalam pelaksanaan Program Pembangunan Masyarakat Setempat ;

1.5 Skop Kajian

Kajian ini akan menumpukan kepada objektif pertama kajian iaitu mengenal pasti konsep pelaksanaan pemberian bantuan rumah Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS). Kajian ini juga akan menumpukan kepada cabaran pelaksanaan PPMS yang dihadapi oleh pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Pihak Berkuasa Negeri (PBN) serta Pentadbiran Daerah sebagai memenuhi keperluan kediaman selesa dan meningkatkan taraf hidup golongan miskin. Berdasarkan kepada masalah yang telah dikenal pasti, pengkaji akan melihat kepada cadangan penambahbaikan yang sesuai bagi memperkasakan PPMS sebagai program bantuan rumah yang mampu meningkatkan taraf hidup peserta berkecukupan.

Kajian ini akan bertumpu di PPMS Lembah Beriah, Daerah Kerian yang merupakan projek pertama PPMS yang diwujudkan pada tahun 1999 (Bahagian Pembangunan Luar Bandar PDT Kerian 2013). Ianya diwujudkan sebagai sebuah kawasan penempatan baru yang diwujudkan khusus bagi golongan miskin luar bandar di Daerah Kerian yang memerlukan tempat kediaman serta meningkatkan taraf hidup. Namun begitu, berdasarkan laporan Bahagian Pembangunan Luar Bandar PDT Kerian (2019), mendapati sebahagian besar peserta yang ditempatkan di PPMS Lembah Beriah masih lagi berpendapatan di bawah Paras Garis Kemiskinan (PGK) Nasional iaitu RM 925.00 sebulan. Sehubungan itu, skop kajian akan menumpukan kepada masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan PPMS Lembah Beriah.

Antara responden yang akan dipilih bagi tujuan temubual kelak termasuklah pegawai di Pejabat Daerah dan Tanah Kerian, Pegawai KPLB, Ahli Undangan Negeri (ADUN) Alor Pongsu, Penghulu Mukim, Ketua Kampung serta pegawai-pegawai agensi pemberi bantuan. Responden-responden ini dikenal pasti akan ditemubual bagi mendapatkan pandangan dan penjelasan dari perpektif individu dan masyarakat mengenai masalah-masalah yang berlaku di kawasan kajian.

1.6 Kepentingan Kajian

Secara amnya, kajian ini dijangka dapat memberikan manfaat kepada tiga pihak seperti berikut :-

1.6.1 Pejabat Daerah dan Tanah

Kajian ini juga dijalankan adalah berdasarkan masalah sebenar yang dihadapi oleh Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) selaku jabatan yang bertanggungjawab dalam isu pemilihan dan penempatan golongan miskin yang layak diberikan bantuan rumah. Adalah diharapkan cadangan-cadangan dalam kajian ini dapat membantu dan memberi manfaat kepada PDT dalam menguruskan isu-isu berkaitan pemilihan peserta terutama dalam memastikan peserta-peserta yang dipilih mampu berdikari untuk keluar daripada belunggu kemiskinan tanpa mengharapkan bantuan semata-mata.

1.6.2 Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Seterusnya, melalui kajian-kajian yang bakal dilaksanakan ini, ianya dapat difahami dan boleh digunakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) sebagai panduan dalam pelaksanaan dasar atau prosedur standard program bantuan rumah kepada golongan miskin luar bandar. Ianya akan menjadi rujukan kepada agensi-agensinya yang memberi bantuan projek peningkatan pendapatan dan ekonomi golongan miskin.

1.6.3 Pihak Berkuasa Negeri

Keberkesanan pelaksanaan program bantuan rumah kepada golongan miskin luar bandar di bawah Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) menjadi satu aspirasi dan pendekatan yang boleh diambil oleh PBN bukan sahaja dalam menyediakan tempat kediaman selesa serta menaiktaraf kehidupan golongan miskin tetapi juga dapat menyelesaikan masalah-masalah setingan perumahan yang tiada tempat tinggal, tiada tapak rumah milik sendiri dan pelbagai masalah tanah yang lain.

Adalah menjadi hasrat PBN untuk membuka sesuatu kawasan penempatan baru bagi tujuan penempatan golongan miskin agar kawasan tersebut dapat dimajukan dan diduduki oleh masyarakat setempat khususnya golongan belia sekaligus mengurangkan kadar migrasi ke kawasan bandar. Kajian ini adalah diharapkan dapat menyediakan satu model standard penempatan golongan miskin luar bandar yang boleh dilaksanakan oleh PBN.

1.7 Susunatur Bab

1.7.1 Bab Satu : Pengenalan

Bab ini merupakan pengenalan kajian di mana pengkaji akan menerangkan pernyataan masalah, matlamat kajian serta objektif kajian yang akan dikaji. Selain itu, pengkaji akan menerangkan secara terperinci skop kajian, kepentingan kajian dan metodologi kajian berkenaan kajian yang akan dijalankan.

1.7.2 Bab Dua : Kajian Literatur

Bab ini akan membincangkan mengenai kajian literatur dan pengenalan mengenai segala maklumat yang berkaitan dengan kajian yang akan dijalankan. Selain itu, maklumat di dalam bab ini diperolehi daripada pelbagai sumber yang

berkaitan dengan kepentingan dengan kajian yang akan dijalankan. Rujukan tesis terdahulu berkaitan definisi kemiskinan serta konsep kediaman selesa, konsep bantuan rumah melalui Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) serta Program Pembangunan Kawasan (PPK) dan lain-lain program bantuan rumah yang telah dilaksanakan oleh jabatan dan agensi kerajaan.

1.7.3 Bab Tiga : Metodologi Kajian

Bab ini akan menerangkan mengenai kaedah yang digunakan bagi mencapai objektif kajian ini. Kaedah yang diterangkan adalah merangkumi dapatan dan pengumpulan data serta kaedah analisis kajian. Peringkat pengumpulan data berkaitan program bantuan rumah untuk golongan miskin dijalankan melalui kaedah pengumpulan maklumat daripada data primer dan data sekunder. Ianya bertujuan untuk mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Data primer diperolehi melalui proses temubual responden yang terlibat secara langsung di dalam pelaksanaan program bantuan rumah bagi golongan miskin. Responden-responden yang terlibat terdiri daripada agensi penerima iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan agensi penerima iaitu Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) Kerian. Data sekunder diperolehi melalui rujukan yang diperolehi berbentuk tulisan seperti jurnal, buku, laporan, tesis dan internet.

1.7.4 Bab Empat : Program Pembangunan Masyarakat Setempat

Bab ini akan menerangkan mengenai kawasan kajian iaitu di Program Pembangunan Masyarakat Setempat Lembah Beriah, Daerah Kerian. Latar belakang kawasan kajian akan dimuatkan di dalam bab ini. Ianya bertujuan untuk memberikan gambaran tentang kawasan kajian sebelum menjalankan analisis dan penemuan kajian.

1.7.5 Bab Lima : Analisis Kajian

Bab ini akan mengupas setiap permasalahan yang timbul, dimana setiap isu akan dianalisa dikaji dari segi punca dan kesan setiap permasalahan tersebut terhadap penempatan di kawasan kajian. Setiap data yang diperoleh daripada proses pemerhatian dan temubual akan dibentangkan dan dibincangkan secara terperinci.

1.7.6 Bab Enam : Kesimpulan dan Cadangan

Bab ini merupakan kesimpulan dan cadangan untuk mempekasakan pelaksanaan program bantuan rumah di bawah Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) yang menyumbang kepada pencapaian objektif kajian. Cadangan penambahbaikan yang telah dikenal pasti akan digunakan bagi manfaat pihak-pihak berkepentingan selaras dengan usaha membasmi kemiskinan di kalangan masyarakat luar bandar khususnya.

RUJUKAN

- A.Mulroy, E. and L.Ewalt, P. (1996) 'Affordable housing: A basic need and a social issue.', *Social Work*, 41(3), pp. 245–249.
- Ab Rahman Bin Mohamed@Ismail (2016) *Projek Program Perumahan Masyarakat Setempat*.
- Adam Smith (1976) 'Sociological Economics, London: Croom Helm'.
- Ang, K. H. (2016) 'Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Kes Abstrak Introduction to Metodology Framework in Research Study: A Case Study Abstract Pengenalan', *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(1), pp. 17–23.
- Azwar, A. (1996) 'Pengantar Administrasi Kesehatan', *Jakarta: Binarupa Aksara*.
- Bahagian Pembangunan Luar Bandar PDT Kerian (2013) *Laporan Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) Lembah Beriah*.
- Bahagian Pembangunan Luar Bandar PDT Kerian (2018a) *Laporan Pemutihan E Kasih Daerah Kerian*.
- Bahagian Pembangunan Luar Bandar PDT Kerian (2018b) *Laporan Pentadbiran Daerah Kerian*.
- Bahagian Pembangunan Luar Bandar PDT Kerian (2019) *Laporan Penempatan Peserta PPMS Lembah Beriah*.
- Chriswardani Suryawati (2005) 'Memahami Kemiskinan Secara Multidimensional', *JMPK Vol.08*, pp. 121–129.
- Golland, A. and Blake, R. (2003) *Housing Development Theory, process and practise*. Edited by Routledge. London.
- H.C.Ho, M. and L.H.Chiu, R. (2002) 'Impact of accessibility on housing expenditure and affordability in Hong Kong's private rental sector', *Journal of Housing and the Built Environment*, 17(1995), pp. 363–383.
- HDB Singapore (2019) *Housing & Development Board Singapore*.
- Hezzrin Mohd Pauzi (2011) 'Konsistensi Matlamat Dan Objektif Program Perumahan Kos Rendah', 9(1), pp. 87–106.
- Hillebrand, J. D. and Berg, B. L. (2006) 'Qualitative Research Methods for the Social Sciences', *Teaching Sociology*.

- Hirway, I. (1987) 'Housing for the Rural Poor', *Economic and Political Weekly*, 22(34), pp. 1455–1460.
- Jabatan Perdana Menteri (2016) *Laporan Nilai Purata PGK Per Isi Rumah Mengikut Negeri dan Strata*.
- Jabatan Perumahan Negara (2009) *Dasar Perumahan Negara*. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Fuad Mat Jali, Novel Lyndon and Mazlan Ali (2012) 'Impak Pembangunan Perumahan terhadap Geopolitik Bandar (An Impact of Housing Development to Urban Geopolitic)', *Akademika*.
- Kartini Aboo Talib @Khalid (2016) *Dilema Kemiskinan: Falsafah, Budaya dan Strategi Poverty Dilemma: Philosophy, Culture and Strategies*.
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (2006) *Garis Panduan Pelaksanaan Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS) SPKR-RMK9 (2006-2010)*.
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (2015) *Data Statistik Pembangunan Luar Bandar Malaysia, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah*.
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar (2019a) *Garis Panduan Pelaksanaan Program Pemajuan Kawasan (PPK)*.
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar (2019b) *Program Pemajuan Kawasan*.
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar (2019c) *Program Peningkatan Pendapatan (PPP)*.
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar (2019d) *Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)*.
- Kiran Wadhwa (1988) 'Housing Programmes for Urban Poor', 23(34), pp. 1762–1767.
- Mohd Amim Othman & Nurizan Yahya (2004) *Golongan Berpendapatan Rendah Realiti dan Cabaran*.
- Mohd Fuad Bin Mohd Salleh (2013) 'Penyediaan Perumahan Rakyat Dari Pandangan Islam', pp. 1–5.
- Mohd Haniff Bin Hussein (2011) *Peluang Penduduk Generasi Kedua Memiliki Rumah Melalui Program Perumahan Warga Felda (PWF)*.

- Mukono, H. J. (2006) 'Prinsip Dasar Kesehatan Lingkungan', in *Airlangga University Press*.
- Narayanan, S. and Katiman, R. (2012) 'Impak sosial pembangunan bandar baru Putrajaya terhadap penduduk asal: Kes isi rumah yang dipindahkan ke Taman Permata Dengkil, Selangor', *Malaysian Journal of Society and Space*, 8(4), pp. 75–87.
- Norzita, J. and Hadijah, C. mat S. (2014) 'Realiti kemiskinan: Satu kajian teoritikal', *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48(1), pp. 167–177.
- Nur Ashqrun Samsuri (2016) *Pelaksanaan Projek Penempatan Dalam Kawasan Luar Bandar Berkonsepkan Projek Rancangan Perkampungan Tersusun Di Negeri Perak*.
- Nur Khairunnisa Abd Rahman (2018) *Projek Rumah Mesra Rakyat IMalaysia di penempatan felda*.
- Nurul Suhaidah Binti Kasmian (2018) *Kemampuan pemilikan perumahan golongan b40*.
- Onibokun, A. G. (1974) 'Evaluating Consumers' Satisfaction with Housing: An Application of a Systems Approach', *Journal of the American Planning Association*.
- Patton, M. Q. (1990) *Qualitative Evaluation and Research Methods, Qualitative Evaluation and Research Methods*.
- PLAN Malaysia (2018) *Rancangan Tempatan Daerah Kerian 2020*.
- Radzuan Bin Osman (2007) 'Persepsi Penerima Bantuan Terhadap Program Rumah Baiti Jannati di Daerah Bandar Baru, Kedah Darul Aman'.
- Salfarina A. Gapor, Nor Malina Malik and Azrina Husin (2011) 'Trends , Problems and Needs of Urban Housing in Malaysia', *International Journal of Social, Education, Economics and Management Engineering*, 5(2), pp. 37–41.
- Schultz, P. and Zelezny, L. (2000) 'Promoting environmentalism', *Journal of Social Issues*, 56(3), pp. 365–371.
- Wikipedia (2019a) *Home Ownership Scheme*.
- Wikipedia (2019b) *Public Housing in Hong Kong*.
- Yuen, B., Pin, T. H. and Ling, O. G. (1999) *Singapore Housing: An Annotated Bibliography*. National University Of Singapore.